

Teruskan kecemerlangan

JUM 18 SEP 2001

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan kegembiraannya kerana Malaysia dapat mencipta sejarah tahun ini dengan pertama kali menjuarai Sukan SEA secara keseluruhan dengan kutipan 111 emas, meninggalkan pencabar terdekat Thailand yang menggondol 103 emas.

"Kita tidak pernah dapat menjuarai Sukan SEA, sasaran 80 emas bukan sahaja dapat dilepasi malah menjadi juara pula dengan 111 kutipan keseluruhan," kata Perdana Menteri.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, atlet negara tidak boleh menjadi jaguh kampung sahaja dan mesti mengekalkan pencapaian tersebut walaupun ketika menyertai acara di luar negara.

"Saya mahu walaupun di mana-mana sahaja kita bertanding, di tempat yang kita tidak begitu biasa dan penyokong tidak begitu ramai,

kita tetap bersemangat," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan upacara

penutup Sukan SEA XXI di Stadium Nasional Bukit Jalil, malam semalam.

Dr. Mahathir turut menegur kemerosotan

pingat acara olahraga yang hanya mengutip lapan pingat emas, lima perak dan sembilan gangsa iaitu pencapaian paling buruk sejak 1987.

Oleh itu, katanya, kerajaan akan menumpukan kepada pembangunan atlet dari kecil lagi seperti yang dilakukan bagi acara gimnastik dan renang yang masing-masing mengaut kejayaan dengan 16 dan 19 emas.

Ditanya mengapa hari Sabtu ini dipilih sebagai cuti umum, bukannya hari ini, Perdana Menteri berkata, ia bagi membolehkan rakyat menikmati cuti lebih panjang iaitu dua hari apabila digabungkan dengan Ahad berbanding sehari sahaja jika cuti itu diberikan esok.

"Minta maaf, esok tidak ada cuti. Kita bagi cuti Sabtu supaya dapat cuti lebih panjang, ini adalah hadiah untuk rakyat kerana minat mereka terhadap sukan ini, sehingga daripada Sabah dan Sarawak pun datang memberi sokongan," katanya.